



Ruj Kami: KKM.600-19/8/46 Jld.1 ( 5 )

Tarikh : 24 Mac 2020

**Vet Food Agro Diagnostics (M) Sdn Bhd**  
(No SMM: 374)  
Lot 18B, Jalan 241  
Seksyen 51A  
46100, Petaling Jaya, Selangor

Tuan,

**PERLANJUTAN BAGI PENGIKTIRAFAN MAKMAL SWASTA OLEH  
KEMENTERIAN KESIHATAN MALAYSIA BAGI TUJUAN ANALISIS MAKANAN  
UNTUK PENGELUARAN SIJIL KESIHATAN**

Dengan hormatnya saya merujuk perkara di atas.

2. Terlebih dahulu Bahagian ini merakamkan setinggi-tinggi tahniah kepada makmal tuan kerana berjaya mengekalkan akreditasi ISO/IEC 17025 yang diperolehi dari Jabatan Standard Malaysia (DSM) di bawah Skim Akreditasi Makmal Malaysia (SMM).
3. Sehubungan dengan itu, sukacita dimaklumkan bahawa Bahagian ini mewakili **Kementerian Kesihatan Malaysia bersetuju melanjutkan pengiktirafan** kepada makmal tuan bagi tujuan analisis makanan untuk pengeluaran Sijil Kesihatan berkuatkuasa dari tarikh surat ini dikeluarkan **sehingga 3 Oktober 2022** tertakluk kepada tempoh sah laku Sijil Akreditasi ISO/IEC 17025 yang **dikeluarkan pada 8 Oktober 2019** seperti yang dikemukakan kepada Bahagian ini. Sebarang penarikan balik akreditasi oleh DSM akan menyebabkan pengiktirafan ini adalah terbatal secara automatik.
4. **Bagi memastikan makmal tuan terus mendapat pengiktirafan oleh KKM, pihak tuan perlu mengemukakan permohonan melanjutkan pengiktirafan sebelum tamat tempoh dengan mengemukakan salinan Sijil Akreditasi ISO/IEC 17025 yang terkini. Sebarang penambahan skop akreditasi juga perlu dimaklumkan untuk mendapatkan pengiktirafan bagi jenis ujian di dalam penambahan skop akreditasi tersebut.**

(Sila catatkan rujukan surat ini apabila menjawab)



5. Untuk makluman pihak tuan, **KKM akan menjalankan pemeriksaan verifikasi keupayaan analisis di makmal tuan pada bila-bila masa** di sepanjang tempoh pengiktirafan makmal. KKM adalah berhak menarik balik pengiktirafan ini sekiranya pihak makmal gagal mematuhi syarat atau tidak berpuas hati dengan prestasi makmal.
6. Makmal juga perlu mengemukakan **laporan analisis sampel yang dijalankan hanya bagi tujuan pengeluaran sijil kesihatan** kepada Bahagian ini setiap enam (6) bulan dengan menggunakan format yang telah ditetapkan. Laporan perlu dikemukakan iaitu sebelum **15 Julai bagi laporan Januari – Jun manakala sebelum 15 Januari bagi laporan Julai – Disember**.
7. Format **Laporan Perkhidmatan Analisis Makanan Makmal Swasta Diiktiraf Kementerian Kesihatan Malaysia Bagi Pengeluaran Sijil Kesihatan** serta senarai makmal yang masih sah laku pengiktirafan oleh KKM untuk analisis makanan bagi pengeluaran Sijil Kesihatan boleh didapati di laman sesawang <http://fsq.moh.gov.my/v6/xs/index.php>. **Sekiranya tiada permohonan dari pihak makmal untuk melanjutkan pengiktirafan, nama makmal akan dikeluarkan dari senarai dalam tempoh empat belas (14) hari selepas tempoh tamat.**
8. Sukacita dimaklumkan bahawa Bahagian ini telah mengeluarkan **Garis Panduan Analisis Makanan bagi Makmal Swasta** sebagai panduan kepada **makmal swasta yang diiktiraf oleh KKM**. Tujuan garis panduan ini diwujudkan adalah bagi menyediakan satu rujukan khas dan seragam dalam memberikan perkhidmatan analisis makanan mengikut keperluan yang ditetapkan. Garis panduan ini adalah digunapakai di kepada semua makmal swasta yang diiktiraf oleh KKM termasuk makmal IPTA yang menjalankan analisis sampel makanan termasuk ujian fizikal dan *Food Contact Material* (FCM) berkuatkuasa pada **1 Januari 2020**. Garis panduan ini boleh didapati di laman sesawang <http://fsq.moh.gov.my/v6/xs/index.php>.
9. Segala pertanyaan lanjut sila hubungi pegawai kami, Puan Sharifah Zatil Aqmar binti Syed Mustafa di talian 03-8885 0797 (sambungan 4324) atau e-mel ke [sharifah.zatil@moh.gov.my](mailto:sharifah.zatil@moh.gov.my).

Sekian, terima kasih.

**“BERKHIDMAT UNTUK NEGARA”**

Saya yang menandatangani amanah,



**(AHMAD NADZRI BIN SULAIMAN)**

b.p Pengarah Kanan Keselamatan dan Kualiti Makanan  
Kementerian Kesihatan Malaysia



KERAJAAN MALAYSIA  
RESIT RASMI  
SALINAN

(Kew. 38E - Pin. 1/2016)  
No. Resit : 202042010103R305905  
Tarikh : 07.02.2020  
Muka Surat : 1/1

Diterima daripada : VET FOOD AGRO DIAGNOSTICS (M) SDN BHD  
No. Pelanggan : 560721-X / 6000034554  
Alamat : LOT 18B, JLN 241, SEKSYEN 51A  
PETALING JAYA  
46100

Bil.	Perihal Terimaan	Cara Bayaran	Rujukan	Kod Akaun	Amaun (RM)
1	PEMBAHARUAN (MAKMAL SWASTA)	Bank Draf	PBBEMYKL 261059	H0171499	500.00
<b>Jumlah Sebelum Cukai</b>					500.00
<b>SST (0.00 %)</b>					
<b>Jumlah Selepas Cukai</b>					500.00

Ringgit Malaysia : LIMA RATUS SAHAJA

Catatan : PEMBAHARUAN (MAKMAL SWASTA)  
U/P: HOW SHIAO PAU

Kumpulan PTJ & PTJ Menyedia : 42010103 KUMPULAN PTJ KEMENTERIAN KESIHATAN  
Cawangan Pengurusan Kewangan

(SITI AMINAH BINTI ABDUL  
RAHIM)

(07.02.2020) (15:19:14 PM)

*Ini adalah cetakan komputer dan tidak perlu ditandatangani*



KERAJAAN MALAYSIA  
RESIT RASMI  
ASAL

(Kew. 38E - Pin. 1/2016)  
No. Resit : 202042010103R305905  
Tarikh : 07.02.2020  
Muka Surat : 1/1

Diterima daripada : VET FOOD AGRO DIAGNOSTICS (M) SDN BHD  
No. Pelanggan : 560721-X / 6000034554  
Alamat : LOT 18B, JLN 241, SEKSYEN 51A  
PETALING JAYA  
46100

Bil.	Perihal Terimaan	Cara Bayaran	Rujukan	Kod Akaun	Amaun (RM)
1	PEMBAHARUAN (MAKMAL SWASTA)	Bank Draf	PBBEMYKL 261059	H0171499	500.00
<b>Jumlah Sebelum Cukai</b>					500.00
<b>SST (0.00 %)</b>					
<b>Jumlah Selepas Cukai</b>					500.00

Ringgit Malaysia : LIMA RATUS SAHAJA

Catatan : PEMBAHARUAN (MAKMAL SWASTA)  
U/P: HOW SHIAO PAU

Kumpulan PTJ & PTJ Menyedia : 42010103 KUMPULAN PTJ KEMENTERIAN KESIHATAN  
Cawangan Pengurusan Kewangan

(SITI AMINAH BINTI ABDUL  
RAHIM)

(07.02.2020) (15:18:56 PM)

*Ini adalah cetakan komputer dan tidak perlu ditandatangani*